



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TINGKAHLAKU DELINKUEN DI KALANGAN
MAHASISWA UNIVERSITI**

ZAMZURI ABDUL MAJID

FPP 2003 6

**TINGKAHLAKU DELINKUEN DI KALANGAN
MAHASISWA UNIVERSITI**

Oleh

ZAMZURI ABDUL MAJID

**Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2003



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**TINGKAHLAKU DELINKUEN DI KALANGAN
MAHASISWA UNIVERSITI**

Oleh

ZAMZURI ABDUL MAJID

Februari 2003

Pengerusi: Profesor Madya Turiman Suandi, Ph.D.

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penglibatan Mahasiswa Universiti Multimedia dalam tingkahlaku delinkuen. Fokus kajian ini ialah untuk mengenalpasti faktor yang dominan yang mempengaruhi mahasiswa dalam tingkahlaku delinkuen. Seterusnya, kajian ini juga ingin mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tingkahlaku delinkuen berdasarkan kampus yang berlainan, jantina, fakulti, bangsa, agama, latar-belakang tempat tinggal, status sosio-ekonomi keluarga dan status hubungan keluarga. Perkaitan antara tingkahlaku delinkuen dengan masa mengakses internet, jenis maklumat yang diakses faktor keluarga, nilai keagamaan, lokus kawalan diri dan rakan sebaya juga di ambilkira. Sampel kajian terdiri daripada 667 orang Mahasiswa Universiti Multimedia, Kampus di Melaka dan di Cyberjaya. Pemilihan sampel dibuat secara rawak bertingkat. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, manakala analisis min, frekuensi, Ujian-t, ANOVA Satu-hala dan Koefisyen Korelasi digunakan untuk menganalisis data. Hasil

kajian menunjukkan bahawa tahap penglibatan Mahasiswa MMU dalam tingkahlaku delinkuen berada pada tahap rendah. Berdasarkan skor min kajian mendapati penglibatan tertinggi Mahasiswa MMU adalah bagi tingkahlaku delinkuen kurang sopan dan yang paling rendah adalah gejala musnah. Terdapat perbezaan tingkahlaku delinkuen kekemasan diri antara Kampus di Melaka dan di Cyberjaya. Terdapat perbezaan yang signifikan tingkahlaku delinkuen berdasarkan kampus, jantina, bangsa, agama, fakulti, latar-belakang tempat tinggal dan status hubungan ibubapa, tetapi sebaliknya bagi status sosio-ekonomi tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tingkahlaku delinkuen. Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan signifikan positif yang lemah antara tingkahlaku delinkuen dengan masa mengakses internet dan lokus kawalan luaran. Sebaliknya, terdapat perkaitan signifikan negatif yang lemah antara tingkahlaku delinkuen dengan faktor keluarga, nilai agama dan lokus kawalan. Di samping itu, kajian ini juga mendapati iaitu terdapat perkaitan signifikan positif yang sederhana hubungan tahapnya antara faktor rakan sebaya dan mengakses maklumat porno dengan tingkahlaku delinkuen.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

**DELINQUENT ACTS AMONG
UNIVERSITY'S UNDERGRADUATES**

By

ZAMZURI ABDUL MAJID

February 2003

Chairman: Associate Professor **Turiman Suandi, Ph.D.**

Faculty: Educational Studies

The aim of this research is to study the level of delinquent involvement among MMU undergraduates. Its focus is on the dominant factors leading to the influence of delinquent acts. In addition to that, this study recognizes the differences of delinquent activities based on several variables, they are: different campus location, gender, faculty, race, religion, origin, socio-economic status and family kinship. Other variables were researched to establish correlation resulting in delinquent acts, they include: duration of internet access, type of information assessed, family factors, religious values, self locus control and peer influence. The research participants were 667 undergraduates students in Multimedia University at the Malacca and Cyberjaya campuses. The sample were



randomly chosen and the data were collected by means of questionnaire. Data analyses were completed by implementing mean analysis, frequency, t-test, one-way ANOVA and correlation coefficient. The research outcome reveals a low level of involvement in the acts of delinquent among MMU undergraduates. This is evident in the low mean score. Nevertheless, the result imply that there is a high occurrence of delinquent act in term of misdemeanor and the lowest in terms of destruction. Despite the low level of involvement in delinquent acts, the frequency analysis reveals that all types of the acts could be found at MMU. Several differences were spotted in terms of self-neatness between the Malacca and Cyberjaya campuses. The differences were based on the location of campus, gender, race, religion, faculty, origin and parents relationship status. It was that socio-economic status does not contribute significantly to any delinquent acts. Research also shows that there is a weak, nevertheless significant relationship between delinquent acts with internet access period and control locus. On the other hand, there is a weak significance in the relationship between delinquent acts with family factor, religious values and control locus. In addition to that, a moderate positive significant relationship has been established between peers and pornographic site access with delinquent acts.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada Allah S.W.T kerana di atas taufik dan hidayah-Nya dapat saya sempurnakan kajian ini, setelah melalui pelbagai cabaran dalam kehidupan yang mampu merencatkan kajian ini.

Segulung kasih ku kalungkan untuk Pn. Zakiah Abdullah, isteri yang tercinta dan anakku Mursyidah, yang telah memberi rangsangan, dorongan dan aspirasi untuk menyiapkan penyelidikan ini. Semoga kejayaan Abah akan menjadi sumber inspirasi dan pembakar semangat untuk anakku terus cemerlang dalam bidang akademik dan keperibadian.

Pastinya, dengan sempurnanya kajian ini perlulah saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Turiman Suandi, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Prof. Dr. Azimi Hamzah dan Prof. Madya Dr. Bahaman Abu Samah, jawatankuasa penyelia saya yang banyak memberi dorongan, bimbingan, nasihat dan bantuan untuk saya menyiapkan laporan penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah dan kakitangan di Fakulti Pengajian Pendidikan, khususnya, Jabatan Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan Universiti Putra Malaysia yang telah mencurahkan ilmu yang amat bernilai ini kepada saya. Seterusnya terimakasih yang tidak terhingga kepada En. Wan Marzuki Wan Jaafar yang banyak membantu dan



ini. Tidak lupa juga rakaman penghargaan ini saya tujukan untuk Noraizah Saman dan Rohaizah Bujang serta kakitangan di Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Multimedia, yang banyak membantu saya dalam menyiapkan tesis saya ini.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Ghauth Jasmon, Presiden MMU yang banyak memberi dorongan dan rangsangan kepada saya dan memungkinan saya menghabiskan pengajian ini. Semoga Allah sentiasa memberi taufiq, hidayah dan rahmatNya kepada anda semua.

Akhir sekali, sekali lagi penghargaan paling istimewa untuk isteri dan anak tersayang kerana sanggup bersabar dan berkorban apa saja untuk saya. Tanpa mereka tak mungkin saya mempunyai kekuatan untuk meneruskan usaha ini. Tiada emas dan perak dapat diberikan, mungkin kejayaan ini dapat memberi sedikit kegembiraan untuk kita sekeluarga. Semoga kita sentiasa menjadi keluarga yang sentias tunduk dan patuh kepada Allah SWT.

SEMOGA ALLAH SENTIASA MEMBERI PETUNJUK DAN TAUFIQNYA KEPADA KITA SEHINGGA BERTEMU DENGANNYA.

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	x
KANDUNGAN	xi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xx
SENARAI SINGKATAN	xxi

BAB

I	PENDAHULUAN	
	Pengenalan	1
	Latarbelakang Masalah	3
	Pemilihan MMU Sebagai Lokasi Kajian	9
	Teori Dan Faktor-Faktor penyebab	
	Tingahlaku Delinkuen	10
	Kenyataan Masalah	11
	Objektif Kajian	13
	Objektif Umum	
	Objektif Khusus	
	Kepentingan Kajian	14
	Limitasi Kajian	15
	Definisi Operasional	15
II	SOROTAN LITERATUR	
	Ciri-Ciri Belia	19
	Belia dari Perspektif Islam	20
	Pendekatan Tahap-Tahap Perkembangan Kehidupan	
	Belia	23
	Pendekatan Teori	29
	Teori Psikososial	29
	Teori Kawalan Sosial	33
	Teori Umum Mengenai Jenayah	35
	Teori Tingahlaku Bermasalah	36
	Teori Pembangunan Moral	38



	Faktor-Faktor Penyebab Tingkahlaku Delinkuen	40
	Faktor Persekitaran	40
	Pengaruh Internet	42
	Faktor Jantina	50
	Faktor Bangsa	52
	Faktor Pendapatan Keluarga	53
	Faktor Keluarga	54
	Faktor Keagamaan	59
	Faktor Kendiri	60
	Faktor Rakan Sebaya	64
III	METODOLOGI KAJIAN	
	Rekabentuk Kajian	69
	Pembolehubah Kajian	69
	Pembolehubah Bebas	69
	Pembolehubah Bersandar	71
	Populasi Kajian	71
	Sampel	72
	Kerangka Konseptual	75
	Instrumen Kajian	75
	Kajian Rintis	83
	Tatacara Kajian	85
	Penganalisan Data	86
IV	DAPATAN KAJIAN	
	Pengenalan	89
	Profil Responden	89
	Masa Mengakses Internet	92
	Jenis-Jenis Maklumat Yang Diakses	93
	Tahap-Tahap Tingkahlaku Delinkuen Secara Keseluruhan	94
	Analisis Perbezaan	95
	Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Berdasarkan Kampus	95
	Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Berdasarkan Jantina	97
	Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Mengikut Fakulti	99
	Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Mengikut Bangsa	108
	Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Berdasarkan Agama	113
	Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Mengikut Tempat Tinggal	118

	Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Mengikut Status Sosio-Ekonomi Keluarga	125
	Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Status Hubungan Iubapa	127
Analisis	Perkaitan Tingkahlaku Delinkuen Dengan Masa Mengakses Internet	134
	Jenis Maklumat di akses	135
	Faktor Hubungan Iubapa	140
	Nilai Keagamaan	141
	Lokus Kawalan Luaran	142
	Lokus Kawalan Dalaman	143
	Faktor Rakan Sebaya	144
V	PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
	Pengenalan	146
	Perbincangan	150
	Rumusan	164
	Kesimpulan	166
	Implikasi dan Cadangan	168
	RUJUKAN	174
	LAMPIRAN	
	A Soal-Selidik Kajian	190
	B Peraturan Am Disiplin Pelajar MMU	209
	BIODATA DIRI	229



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Profil Penagih Dadah Mengikut Kelulusan Tertinggi Bagi Januari Hingga Jun 2000	6
2	Profil Penagih Dadah Mengikut Umur Bagi Januari Hingga Disember 2000	7
3	Juvana Bersalah Bagi Tahun 1996-2000	8
4	Kategori Tingkahlaku Delinkuen Dan Susunan Item	79
5	Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Berasaskan Kategori Tingkahlaku Delinkuen Dalam Instrumen Bahagian C	80
6	Pekali Kebolehpercayaan Cronbach Berasaskan Instrumen Kajian	84
7	Taburan Sampel Berdasarkan Kampus Dan Fakulti	90
8	Taburan Sampel Berdasarkan Jantina, Bangsa Dan Agama	91
9	Taburan Sampel Berdasarkan Tempat Tinggal, Status Hubungan Iubapa Dan Status Sosio- Ekonomi Keluarga	92
10	Taburan Responden Mengikut Masa Penggunaan Internet	93
11	Taburan Responden Mengikut Jenis Maklumat Yang Dilayari	94
12	Tahap Penglibatan Tingkahlaku Delinkuen Secara Keseluruhan	95
13	Ujian-t Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Dan Kampus	96

14	Ujian-t Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbedaan Tingkahlaku Delinkuen Dan Jantina	98
15	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbedaan Signifikan Tingkahlaku Delinkuen Jenayah Dan Fakulti	100
16	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbedaan Signifikan Tingkahlaku Delinkuen Melanggar Peraturan MMU Dan Fakulti	101
17	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbedaan Signifikan Tingkahlaku Delinkuen Seks Dan Fakulti	102
18	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbedaan Signifikan Tingkahlaku Delinkuen Kekemasan Diri Dan Fakulti	103
19	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbedaan Signifikan Tingkahlaku Delinkuen Kurang Sopan Dan Fakulti	104
20	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbedaan Signifikan Tingkahlaku Delinkuen Musnah Dan Fakulti	105
21	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbedaan Signifikan Tingkahlaku Delinkuen Hiburan Dan Fakulti	106
22	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbedaan Tingkahlaku Delinkuen Jenayah Dan Bangsa	109
23	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbedaan Tingkahlaku Delinkuen Melanggar Peraturan MMU Dan Bangsa	109
24	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbedaan Tingkahlaku Delinkuen Seks Dan Bangsa	110



25	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Kekemasan Diri Dan Bangsa	111
26	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Kurang Sopan Dan Bangsa	111
27	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Musnah Dan Bangsa	112
28	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Hiburan Dan Bangsa	112
29	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Jenayah Dan Agama	114
30	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Melanggar Peraturan MMU Dan Agama	114
31	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Seks Dan Agama	115
32	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Kekemasan Diri Dan Agama	115
33	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Kurang Sopan Dan Agama	116
34	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Musnah Dan Agama	117
35	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Hiburan Dan Agama	117
36	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Jenayah Dan Tempat Tinggal	119

37	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Melanggar Peraturan MMU Dan Tempat Tinggal	119
38	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Seks Dan Tempat Tinggal	121
39	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Kekemasan Diri Dan Tempat Tinggal	121
40	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Kurang Sopan Dan Tempat Tinggal	122
41	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Musnah Dan Tempat Tinggal	123
42	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Hiburan Dan Tempat Tinggal	124
43	Ujian ANOVA Untuk Menguji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Berdasarkan Status Sosio-Ekonomi Keluarga	126
44	Ujian ANOVA Untuk Mengkaji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Jenayah Dan Status Hubungan Iubapa	128
45	Ujian ANOVA Untuk Mengkaji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Melanggar Peraturan MMU Dan Status Hubungan Iubapa	128
46	Ujian ANOVA Untuk Mengkaji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku delinkuen Seks Dan Status Hubungan Iubapa	129
47	Ujian ANOVA Untuk Mengkaji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Kekemasan Diri Dan Status Hubungan Iubapa	130



48	Ujian ANOVA Untuk Mengkaji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Kurang Sopan Dan Status Hubungan Iubapa	131
49	Ujian ANOVA Untuk Mengkaji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Musnah Dan Status Hubungan ibubapa	132
50	Ujian ANOVA Untuk Mengkaji Sama Ada Terdapat Perbezaan Tingkahlaku Delinkuen Hiburan Dan Status Hubungan Keluarga	133
51	Pekali Korelasi Pearson Antara Masa Mengakses Internet Dan Tingkahlaku Delinkuen	134
52	Pekali Korelasi Pearson Antara Maklumat Pendidikan Dan Tingkahlaku Delinkuen	135
53	Pekali Korelasi Pearson Antara Maklumat Hiburan Dan Tingkahlaku Delinkuen	136
54	Pekali Korelasi Pearson Antara Maklumat Agama Dan Tingkahlaku Delinkuen	137
55	Pekali Korelasi Pearson Antara Maklumat Kekeluargaan Dan Tingkahlaku Delinkuen	137
56	Pekali Korelasi Pearson Antara Maklumat Kemasyarakatan Dan Tingkahlaku Delinkuen	138
57	Pekali Korelasi Pearson Antara Maklumat Untuk Diri Sendiri Dan Tingkahlaku Delinkuen	139
58	Pekali Korelasi Pearson Antara Maklumat Porno Dan Tingkahlaku Delinkuen	140
59	Pekali Korelasi Pearson Antara Hubungan Iubapa Dan Tingkahlaku Delinkuen	141
60	Pekali Korelasi Pearson Antara Tingkahlaku Delinkuen Dan Nilai Keagamaan	142

61	Pekali Korelasi Pearson Antara Tingkahlaku Delinkuen Dan Lokus Kawalan Luaran	143
62	Pekali Korelasi Pearson Antara Tingkahlaku Delinkuen Dan Lokus Kawalan Dalaman	144
63	Pekali Korelasi Pearson Antara Tingkahlaku Delinkuen Dengan Faktor Rakan Sebaya	145



SENARAI RAJAH

Rajah		Mukasurat
1	Menunjukkan Rumusan Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Tingkahlaku Delinkuen Berdasarkan Teori-Teori	39
2	Kerangka Konseptual Kajian	75

SENARAI SINGKATAN

B	Bandar
BR	Bandaraya
C	Cina
FBL	Fakulti Perniagaan dan Undang-Undang
FCM	Fakulti Kreatif Multimedia
FET	Fakulti Teknologi Kejuruteraan
FIST	Fakulti Maklumat, Sains dan Teknologi
FIT	Fakulti Teknologi Maklumat
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
FOE	Fakulti Kejuruteraan
FOM	Fakulti Pengurusan
I	India
LB	Luar Bandar
M	Melayu
MMU	Universiti Multimedia
RRJP	Rangka Rancangan Jangka Panjang
SPSS	<i>Statistical Package For Social Sciences</i>



BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pendidikan dan kehidupan berkait rapat kerana pendidikan akan menentukan corak serta mutu kehidupan manusia. Peranan pendidikan sangat penting dalam pembentukan generasi muda untuk menjadi rakyat Malaysia yang dapat menyumbangkan bakti dalam perkembangan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara. Pendidikan juga merupakan satu proses untuk merubah seseorang individu secara keseluruhan sama ada pengetahuan, pemikiran, rohani, akhlak dan sahsiah. Proses perubahan ini berlaku tidak terhad di sekolah tetapi berlaku di semua tempat dan keadaan, sama ada dalam bentuk formal, tidak formal dan bukan formal. Pendidikan juga merupakan proses yang berkesinambungan dan tanpa henti, bermula dari pra-sekolah, ke Institusi Pengajian Tinggi, alam pasca pengajian formal sehinggalah ke akhir hayat.

Bersesuaian dengan inilah Falsafah Pendidikan Negara digubal dan pernyataannya ialah Pendidikan Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab -dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap

keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (1992).

Hasrat Falsafah Pendidikan Negara adalah untuk melahirkan insan yang baik dan sempurna. Insan ini juga akan menjadi warganegara Malaysia yang baik. Mereka seharusnya memiliki ciri-ciri yang berikut, iaitu percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara, berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat, agama, bangsa negara dan memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu.

Dalam konteks ini, pada 28 Februari 1991, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapannya di Persidangan Pertama Majlis Perdagangan Malaysia, telah mengemukakan pandangan mengenai Wawasan 2020, iaitu ingin menjadikan Malaysia negara perindustrian, sekaligus negara maju. Dalam ucapan tersebut, beliau telah menjelaskan bahawa menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi negara maju dengan masyarakat Malaysia yang berkeyakinan, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang dan adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental (*Dewan Masyarakat*, Julai 1991, m.s.10). Beliau juga telah menggariskan sembilan cabaran yang perlu diatasi sebelum Malaysia mencapai taraf negara maju sepenuhnya.

Melalui wajah-wajah individu yang ingin dilahirkan melalui FPN dan bentuk serta hala tuju negara yang diidam-idamkan melalui Wawasan 2020, menunjukkan iaitu kedua-dua elemen saling berkait dan lengkap-melengkapi. Sehubungan dengan ini, Wan Zahid (1994) telah mengungkapkan, iaitu "Dengan wujudnya FPN, citra dan intipati manusia yang hendak dibentuk melalui pendidikan menjadi jelas. Dengan pengisytiharan Wawasan 2020 pula, citra dan intipati generasi kedua (selepas merdeka) yang hendak dibentuk menjadi semakin jitu. Kedua-duanya adalah selaras dan saling melengkapi".

Jelasnya, pelajar yang ingin dilahirkan melalui sistem pendidikan negara ialah yang mempunyai peribadi yang seimbang, berakhlak dan bermoral serta menjadi warganegara yang baik dan mampu memberi sumbangan dalam agenda pembangunan negara. Hakikatnya, untuk mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020 sukar untuk dicapai jika terdapat gejala salahlaku delinkuen di Institusi Pengajian Tinggi.

Latar belakang Masalah

Masalah salahlaku delinkuen bukan hanya berlaku di kalangan remaja yang berada di alam persekolahan, malah gejala ini juga wujud di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia. Selain daripada kesalahan meniru, khalwat, gay dan lesbian yang dikenalpasti terdapat di Institusi Pengajian Tinggi Awam, kesalahan-kesalahan seperti mencuri, bergaduh, menyebarkan risalah haram, melanggar peraturan, menghisap rokok dan menyalahgunakan dadah dikesan. (Utusan Malaysia, 26 Januari 2001). Kajian Taip (1990) pula mendapati kegiatan merosakkan harta benda di Kolej Kediaman berlaku di Universiti Kebangsaan Malaysia yang memberi kesan kepada kehidupan komuniti penghuni di perumahan mahasiswa, harta benda awam, keselamatan penghuni dan kesan kewangan kepada